

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Tak sama dengan FGM

Amalan berkhatan umat Islam membabitkan bayi perempuan di negara ini berbeza

PUTRAJAYA

Amalan berkhatan umat Islam membabitkan bayi perempuan di negara ini berbeza dengan amalan pemetongan genitalia wanita (FGM) yang diamalkan dalam kalangan wanita di beberapa negara lain, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri

Dr Dzulkefly Ahmad.

Berhubung kenyataan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) bahawa amalan khatan bayi perempuan sebagai pencabulan terhadap hak wanita, Dr Dzulkefly berkata, sesiapa sahaja boleh membuat dakwaan seperti itu.

"Saya nyatakan sekali lagi, khatan bayi perempuan tidak sama dengan FGM dan kita perlu cermat dalam isu ini kerana ia menyinggung banyak aspek termasuk sosial dan budaya," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis Anugerah dan Pengiktirafan Kempen Blue Ribbon 2018 di sini, beliau berkata, kerajaan akan tetap membincangkan isu



Khatan bayi perempuan tidak sama dengan FGM dan kita perlu cermat dalam isu ini kerana ia menyinggung banyak aspek termasuk sosial dan budaya."

- Dr Dzulkefly

dibangkitkan oleh Suhakam itu secara halus kerana ia sangat sensitif.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Suhakam pada Rabu, bahawa Putrajaya telah mengelirukan kajian Laporan

Berkala Sejagat (UPR) mengenai hak asasi manusia berhubung FGM apabila ia mempertahankan FGM ke atas bayi perempuan sebagai 'tanggungjawab budaya' di Malaysia.

Dr Dzulkefly berkata, ke-

rajaan tidak akan bertindak kerana tekanan, sama ada dari dalam atau luar negara, sebaliknya akan mengambil kira kepentingan semua pihak terlibat supaya isu itu dapat ditangani dengan baik.

"Isu bantah dan sokong ini biasa dalam amalan demokrasi, tetapi akhirnya kerajaan akan membuat satu pendirian dengan cermat dan bukan mengikut emosi," katanya.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih dalam perbincangan dengan Kementerian Kesihatan berhubung isu berkhatan bayi

info

Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), apa jua tindakan mengubah bentuk genital wanita bukan untuk kepentingan perubatan adalah FGM

perempuan di negara ini.

Dr Wan Azizah berkata, perbincangan itu termasuk melihat kepada faedah daripada amalan berkenaan, dan menurutnya lagi, walaupun ia dilihat sebagai amalan budaya di Malaysia, ia tidak sama dengan amalan FGM diamalkan dalam kalangan wanita di Afrika. - Bernama